

## **Faktor-Faktor Pelajar Berminat Mempelajari Mata Pelajaran Matematik Tambahan Di Sekolah Menengah Sains Muar, Johor.**

Khadijah Daud & Ahmad Nadzri Rodzali  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Faktor-faktor pelajar berminat mempelajari Matematik Tambahan akan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Pelajar yang berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan menunjukkan sikap yang positif untuk mempelajarinya. Oleh itu, kajian secara deskriptif ini bertujuan mengetahui faktor yang paling utama diantara empat faktor yang menyebabkan pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Seramai 100 orang responden dari empat buah kelas telah terlibat sebagai sampel. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Item-item dalam soal selidik berkaitan dengan faktor-faktor pelajar berminat mempelajari Matematik Tambahan yang dinilai dari aspek guru (penyampaian), rakan sebaya dan ibu bapa, persekitaran serta diri pelajar itu sendiri. Nilai kebolehpercayaan (*alfa cronbach*) bagi instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.769. Data dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package For Social Sciences*” (SPSS Versi 15.0) untuk mencari min, peratus dan kekerapan. Hasil kajian menunjukkan faktor diri pelajar itu sendiri merupakan faktor yang paling utama yang menyebabkan pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan.

*Katakunci :* faktor minat matematik tambahan

### **Pengenalan**

Matlamat utama pendidikan di negara ini adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dan melahirkan masyarakat yang bersepadu, berdisiplin dan terlatih (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979). Kewujudan perpaduan yang kukuh melalui system pendidikan kebangsaan telah memberi jaminan kestabilan politik, pendidikan dan keamanan negara sejak merdeka.

Justeru, bagi memenuhi keperluan-keperluan tersebut adalah sewajarnya reformasi terhadap pendidikan perlu direalisasikan. Reformasi terhadap pendidikan Matematik khasnya amat perlu bagi melahirkan generasi yang serasi dengan peredaran masa. Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979), rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah mula diperkenalkan di semua sekolah menengah di Malaysia pada tahun 1989. KBSM berteraskan prinsip-prinsip kesinambungan pendidikan asas daripada rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), kesepaduan unsur-unsur intelek, jasmani, rohani dan sosial, pendidikan umum dan pendidikan seumur hidup. Pendidikan Matematik yang dirancang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, menegaskan kepada penguasaan bahasa Matematik, kefahaman konsep, penguasaan kemahiran mengira dan penggunaan Matematik dalam penyelesaian masalah (Mak Soon Sang, 1996).

Matematik merupakan suatu bidang ilmu yang melatih minda seseorang berfikir secara mantik dan bersistem dalam menyelesaikan sesuatu masalah serta membuat keputusan. Secara tabiinya, matematik bersifat menggalakkan pembelajaran yang bermakna dan mencabar pemikiran. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa matematik memainkan peranan yang besar dalam memantapkan pembangunan Negara. Ini dapat dilihat daripada kemajuan dalam bidang sains dan teknologi yang dicapai oleh kebanyakan negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan lain-lain. Kemajuan dalam bidang tersebut mungkin tidak dapat dicapai tanpa kesedaran tentang pentingnya matematik dalam kehidupan seharian kita.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang menyebabkan pelajar kurang berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Adalah menjadi tanggungjawab kepada pendidik dan pengkaji untuk mengkaji faktor-faktor pelajar berminat mempelajari matematik.

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan perbincangan di atas, menunjukkan minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan adalah di tahap sederhana. Kajian yang dilakukan oleh Tay Lay Eng (1993) (dalam Norsuriani, 2008), mendapati bahawa kebanyakan pelajar yang mempunyai pencapaian rendah dalam mata pelajaran Matematik Tambahan adalah di kalangan mereka yang menganggap mata pelajaran matematik tambahan adalah suatu mata pelajaran yang sukar dan membosankan. Anggapan tersebut sebenarnya telah menyebabkan mereka tidak berminat lagi untuk mempelajari Matematik Tambahan dan seterusnya menyebabkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran tersebut adalah rendah.

Oleh yang demikian, pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan pelajar beminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Ini kerana minat akan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini. Faktor-faktor yang menggalakkan pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan ini ditinjau dari segi guru (penyampaian), rakan sebaya dan ibu bapa, persekitaran serta ibu bapa. Keempat-empat faktor ini diambil kira sebagai aspek utama pelajar-pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan.

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih empat faktor yang berkait rapat dengan minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan kerana faktor-faktor tersebut merupakan pembolehubah yang lebih menjurus kepada minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan.

Justeru itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh manakah minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan bagi pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Sains Muar, Johor.

### **Objektif Kajian**

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan bagi pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Sains Muar, Muar, Johor. Faktor-faktor tersebut adalah:

- i. Faktor penyampaian guru.
- ii. Faktor rakan sebaya dan ibu bapa.
- iii. Faktor persekitaran.
- iv. Faktor diri pelajar itu sendiri.
- v. Faktor utama dari empat faktor di atas yang menyebabkan pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan.

### **Kepentingan Kajian**

Masalah mengenai pelajar berminat terhadap mata pelajaran Matematik Tambahan, seringkali menjadi isu yang mempunyai kaitan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik Tambahan. Kurangnya kajian yang menjelaskan serta memberi gambaran tentang faktor yang berkaitan menjadikan permasalahan minat pelajar ini berlanjutan.

Diharap hasil penyelidikan yang dilakukan ini akan dapat merangka panduan dan memberi manfaat yang berguna kepada semua pihak seperti ibu bapa, guru-guru, pentadbir sekolah, masyarakat mahupun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan.

**Guru :** Dapatan hasil penyelidikan juga dapat membantu guru-guru dalam memahami minat pelajar terhadap mata pelajaran Matematik Tambahan. Guru-guru juga boleh merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan berdasarkan minat pelajar. Pelbagai strategi boleh diaplikasikan oleh guru dalam menjadikan pengajaran lebih berkesan seperti penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik, kaedah pengajaran yang bersesuaian mahupun komitmen yang diberikan oleh guru itu sendiri.

**Ibu Bapa :** Bagi pihak ibu bapa, mereka akan mengetahui faktor-faktor yang berkaitan dengan minat pelajar mempelajari Matematik Tambahan supaya mereka dapat melakukan perkara yang sewajarnya dalam menangani masalah tersebut. Dorongan, perbincangan dan komitmen yang ditunjukkan oleh ibu bapa dapat membantu pelajar menyelesaikan permasalahan berhubung mata pelajaran Matematik Tambahan.

**Pentadbir Sekolah :** Tidak terkecuali juga pihak pentadbir sekolah perlu memastikan keadaan persekitaran sekolah yang sesuai dan menarik serta memupuk minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Data atau cadangan yang dibuat dalam kajian ini boleh digunakan untuk merancang dan menyusun strategi serta garis panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan.

**Masyarakat :** Masyarakat sekeliling sekolah hendaklah mengatur program yang menggalakkan minat pelajar mempelajari Matematik Tambahan. Strategi yang dirancang secara tersusun dan bermatlamat akan memastikan pelajar terus meminati mata pelajaran Matematik Tambahan. Setelah mengenalpasti faktor-faktor berkaitan, semua pihak yang terlibat terutamanya guru-guru, ibu bapa dan pentadbir bolehlah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi mengatasi masalah minat pelajar berpandukan kepada faktor-faktor yang telah dikenalpasti.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan satu set soal selidik yang dikemukakan kepada responden untuk mendapatkan maklumat dan data tentang faktor-faktor pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan di sebuah sekolah terpilih dalam daerah Muar, Johor Darul Takzim.

### **Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, populasi yang digunakan ialah pelajar tingkatan empat aliran sains tulen Sekolah Menengah Sains Muar, Muar, Johor. Sampel kajian yang terlibat adalah seramai 100 orang pelajar. Kaedah persempelan yang digunakan pengkaji ialah sampel tidak rawak bagi jenis sampel. Pengkaji memilih seramai 25 orang pelajar bagi setiap kelas untuk menjawab set soal selidik. Menurut Blum *et al.* (dalam Mohamad Najib, 1999), sampel tidak rawak jenis sampel bertujuan, pengkaji dengan sengaja memilih sampel untuk mendapatkan sampel dari populasi. Jumlah keseluruhan pelajar aliran sains yang mengikuti mata pelajaran Matematik Tambahan adalah seperti jadual 1 di bawah:

**Jadual 1 Jumlah Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains Tulen Di Sekolah Menengah Sains Muar, Johor**

KELAS	BILANGAN POPULASI	RESPONDEN (%)
4 Dinamik	26	25.24
4 Gigih	25	24.27
4 Jaya	25	24.27
4 Maju	27	26.21
JUMLAH	103	100

Berdasarkan jadual Krejcie *et.al* (1970) pengkaji perlu memilih sampel sebanyak 80 orang pelajar. Jumlah ini bergantung kepada populasi kajian iaitu 103 orang pelajar. Pengkaji telah mengambil keputusan untuk melengkapkan jumlah responden kepada 100 orang pelajar. Jadual 2 di bawah menunjukkan kaedah bagi mendapatkan sampel mengikut aliran sains tulen di Sekolah Menengah Sains Muar, Muar, Johor.

**Jadual 2 Pemilihan Sampel Bagi pelajar Aliran Sains Tulen Sekolah Menengah Sains Muar, Johor**

KELAS	BILANGAN SAMPEL	SAMPEL ( % )
4 Dinamik	25	25
4 Gigih	25	25
4 Jaya	25	25
4 Maju	25	25
JUMLAH	100	100

### Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Pengkaji memilih kajian berbentuk soal selidik kerana responden bebas menentukan jawapan terhadap soalan-soalan yang diberikan serta segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan. Instrumen yang digunakan untuk menjalankan kajian ini adalah satu set soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian.

**Bahagian A :** Bahagian ini merupakan maklumat tentang latar belakang pelajar (responden). Pelajar-pelajar perlu menandakan [/] pada ruangan kotak jawapan yang dipilih atau mengisi pada ruangan tempat kosong yang disediakan. Berikut merupakan item-item yang terdapat dalam ruangan latar belakang bagi bahagian A (Latar belakang)

**Bahagian B :** Pengukuran minat dihadkan kepada empat dimensi. Setiap dimensi mempunyai 10 soalan yang perlu dijawab responden. Item-item yang terdapat dalam setiap bahagian akan mendapatkan maklumat-maklumat berdasarkan aspek-aspek yang berikut:

- i. Guru (penyampaian)
- ii. Rakan sebaya dan ibu bapa
- iii. Persekitaran
- iv. Pelajar

Responden perlulah menyatakan peringkat maklum balas berdasarkan persetujuan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan dengan membulatkan nombor (skor) yang terdapat di hujung pernyataan. Pelajar (responden) hanya diberikan peluang sekali bagi setiap soalan. Setiap soalan yang diberikan akan dinilai berdasarkan nilai yang diberikan (skor) bagi membolehkan pengkaji mencari faktor pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Soal selidik ini diukur dengan menggunakan skala Likert Lima Mata. Peringkat perskalaan yang digunakan dalam soal selidik ini adalah seperti dalam jadual 3 di bawah:

**Jadual 3 Peringkat Perskalaan Dalam Skala Likert Lima Mata**

Skor	Maklum balas	Simbol
1	Amat Tidak Setuju	(ATS)
2	Tidak Setuju	(TS)
3	Kurang Setuju	(KS)
4	Setuju	(S)
5	Amat Setuju	(AS)

Skor dimensi minat adalah berdasarkan jumlah skor bagi semua item soalan dalam dimensi tersebut. Skor yang tinggi dalam setiap dimensi memberikan gambaran minat yang positif terhadap dimensi tersebut, begitulah sebaliknya. Skor-skor yang diberikan oleh pelajar (responden) bagi setiap item soalan akan dijumlahkan serta akan dinilai nilai min.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis terlebih dahulu dijalankan untuk memastikan setiap struktur ayat atau perkataan yang terkandung dalam soal selidik difahami serta sesuai bagi pelajar yang akan dijadikan sampel. Selain daripada itu, penambahbaikan akan dibuat sebelum menjalankan kajian yang sebenar dapat dilakukan sekiranya terdapat kelemahan dalam soal selidik yang disediakan. Kajian rintis ini dijalankan ke atas 20 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Taman Universiti 2, Skudai Johor. Menurut Mohamad Najib (1999) ujian Alpha Cronbach digunakan kerana ujian ini merupakan satu ujian statistik untuk mendapatkan koefisien kebolehpercayaan. Nilai indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.5(>0.5) dan terletak antara 1.0(<1.0) boleh digunakan sebagai alat ukur untuk sesuatu kajian (Majid Konting, 1994).

Hasil kajian ini akan diproses dengan menggunakan kaedah *SPSS For Windows versi 15.0* bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan alpha iaitu 0.769. Kejelasan dan kebolehpercayaan adalah perkara yang paling penting perlu diukur dalam kajian rintis ini kerana kebolehpercayaan yang tinggi sesuai untuk menjalankan kajian yang sebenar.

### **Analisis Data**

#### **Dapatan Persoalan Kajian 1 : Faktor Penyampaian Guru Menyebabkan Pelajar Berminat Mempelajari Mata Pelajaran Matematik Tambahan**

Min keseluruhan bagi faktor guru (penyampaian) adalah sebanyak 3.658. Nilai 3.658 yang diperolehi tersebut merupakan nilai positif yang mana faktor pengajaran guru sememangnya mempengaruhi pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Peratusan responden yang menyatakan setuju terhadap item persoalan 1 adalah sebanyak 61.2 % diikuti kurang pasti sebanyak 19.8 % dan selebihnya 19.0 % tidak bersetuju bagi setiap item persoalan kajian 1.

Berdasarkan kepada analisa persoalan kajian 1, min terendah adalah item 9 iaitu 3.01 manakala min tertinggi adalah item 4 iaitu 4.25. Analisa secara keseluruhannya menunjukkan bahawa faktor guru (penyampaian) mempengaruhi minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Ini berpandukan kepada jadual 4.13 yang menunjukkan peratus keseluruhan bagi persoalan kajian 1.

#### **Dapatan Persoalan Kajian 2 : Faktor Ibu Bapa Menyebabkan Pelajar Berminat Mempelajari Mata Pelajaran Matematik Tambahan**

Min keseluruhan bagi faktor tersebut adalah sebanyak 3.564. Nilai tersebut merupakan nilai yang sederhana dan menunjukkan faktor ibu bapa turut mempengaruhi minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Peratusan responden yang tidak setuju dengan persoalan kajian 2 bahagian (a) adalah sebanyak 24.6 % responden, 18.6 % responden pula menyatakan kurang pasti dan 56.8 % responden setuju dengan item dalam persoalan kajian 2 bahagian (a) ini.

Kesimpulannya, persoalan kajian 2 bahagian (a) ini menunjukkan item 12 mempunyai min tertinggi dengan 4.37 manakala item 13 pula adalah min terendah dengan min sebanyak 3.06. Analisa secara keseluruhannya menunjukkan bahawa faktor ibu bapa mempengaruhi pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan seperti ditunjukkan dalam jadual 4.15.

#### **Dapatan Persoalan Kajian 3 : Faktor Persekitaran Menyebabkan Pelajar Berminat Mempelajari Mata Pelajaran Matematik Tambahan**

Min keseluruhan bagi faktor persekitaran adalah sebanyak 3.360. Min tersebut merupakan nilai sederhana dan menunjukkan bahawa faktor persekitaran turut menyebabkan pelajar berminat terhadap mata pelajaran Matematik Tambahan. Peratusan responden yang menyatakan setuju bagi setiap item dalam persoalan kajian 3 adalah sebanyak 50.4 %. Sebaliknya 26.6 % pula menyatakan kurang pasti dengan item dan 23.0 % lagi menyatakan tidak setuju dengan item-item dalam persoalan kajian 3.

Berdasarkan kepada analisa persoalan kajian 3 ini, dapatan menunjukkan item 26 mempunyai min tertinggi sebanyak 3.81 manakala item 30 mempunyai min terendah dengan nilai min sebanyak 3.07.

#### **Dapatan Persoalan Kajian 4 : Faktor Diri Pelajar Itu Sendiri Menyebabkan pelajar Berminat Mempelajari Mata Pelajaran Matematik Tambahan**

Min keseluruhan bagi faktor diri pelajar itu sendiri adalah sebanyak 3.706. Nilai min keseluruhan tersebut merupakan nilai min yang tinggi di mana faktor pelajar itu sendiri turut menyebabkan pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Peratusan responden yang menyatakan setuju terhadap item-item persoalan kajian 4 ini adalah sebanyak 63.1 % diikuti dengan 18.3 % kurang pasti dengan item-item persoalan kajian 4 dan selebihnya 18.6 % tidak setuju dengan item-item persoalan kajian 4.

Berdasarkan kepada analisa persoalan kajian 4, item 33 merupakan min item tertinggi dengan min sebanyak 4.31 manakala min item 38 merupakan min item terendah dengan nilai min sebanyak 3.16.

#### **Perbincangan**

**Faktor Guru (Penyampaian) :** Berdasarkan analisa data berkenaan persoalan kajian satu iaitu faktor guru dari aspek penyampaian yang menyebabkan pelajar berminat dalam mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan, secara keseluruhannya didapati bahawa min purata keseluruhan berada pada tahap yang sederhana iaitu 3.658. Ini menunjukkan bahawa guru memainkan peranan penting dalam menanam minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Berdasarkan kepada jadual, min yang tertinggi bagi persoalan kajian satu iaitu faktor guru (penyampaian) adalah 4.25 iaitu pada item 4. Min item tersebut berada pada tahap yang tinggi dimana sebanyak 81% responden bersetuju bahawa guru mata pelajaran selalu membimbing pelajar menyelesaikan masalah berhubung Matematik Tambahan. Ini diperkukuhkan lagi dalam item 3 dengan min sebanyak 4.16 yang merupakan min kedua tertinggi dalam persoalan kajian ini. Sebanyak 81% responden setuju dengan item soalan tersebut bahawa guru mata pelajaran mereka selalu mengajar Matematik Tambahan dengan penuh minat dan keyakinan. Kedua-dua item ini jelas menunjukkan bahawa terdapat persamaan iaitu guru mata pelajaran Matematik Tambahan responden memberikan komitmen yang sebaiknya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan. Daripada persoalan kajian satu ini, pelajar-pelajar akan terdorong untuk meminati Matematik Tambahan disebabkan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh guru mata pelajaran mereka. Implikasinya menyebabkan pelajar meminati mata pelajaran Matematik Tambahan disebabkan faktor guru.

**Faktor Rakan Sebaya dan Ibu Bapa :** Berdasarkan analisa data berkenaan persoalan kajian dua iaitu faktor ibu bapa yang menyebabkan pelajar berminat dalam mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan, secara keseluruhannya didapati bahawa min purata keseluruhan berada pada tahap yang sederhana iaitu 3.564. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang sepatutnya dalam menanam minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Berdasarkan kepada jadual, min yang tertinggi bagi persoalan kajian

dua iaitu faktor ibu bapa adalah 4.37 iaitu pada item 12. Min item tersebut berada pada tahap yang tinggi dimana sebanyak 90% responden bersetuju bahawa ibu bapa responden sentiasa memberikan galakan kepada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Sebaliknya pula, dalam item 13 pula, min adalah 3.06 yang merupakan min terendah dalam persoalan kajian dua (a) ini, dimana ibu bapa pelajar masih kurang membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah berhubung mata pelajaran Matematik Tambahan. Berpandukan kepada dapatan yang diperolehi ini, galakan dan dorongan daripada ibu bapa adalah perlu dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap mata pelajaran Matematik Tambahan. Galakan daripada ibu bapa adalah penting kerana ramai pelajar berpendapat Matematik Tambahan itu adalah satu mata pelajaran yang sukar dipelajari. Justeru, galakan dan dorongan ibu bapa sedikit sebanyak meringankan masalah pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan.

**Faktor Persekitaran :** Berdasarkan analisa data berkenaan persoalan kajian tiga iaitu faktor persekitaran yang menyebabkan pelajar berminat dalam mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan, secara keseluruhannya didapati bahawa min purata keseluruhan berada pada tahap yang sederhana iaitu 3.360. Ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran memberikan kesan yang boleh menarik minat pelajar mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Berdasarkan kepada jadual, min yang tertinggi bagi persoalan kajian tiga bagi faktor persekitaran adalah 3.81 iaitu pada item 26. Min item tersebut berada pada tahap yang tinggi dimana sebanyak 72% responden bersetuju bahawa pelajar lebih selesa belajar mata pelajaran Matematik Tambahan pada waktu pagi. Ini mungkin disebabkan keadaan persekitaran yang tidak diganggu oleh bunyi bising. Faktor persekitaran pelajar seperti kelas, peralatan dan masyarakat sekeliling sekolah merupakan faktor penyumbang kepada minat pelajar untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran. Dapatan kajian pengkaji adalah selari dengan hasil kajian pengkaji terdahulu seperti kajian Amir Symaizar (2006), Ibrahim (dalam Melnorzaini, 2006), Muhammad Atan (2003) dan Abu Bakar (1998) (dalam Burhanuddin, 2002) yang menyebut faktor persekitaran adalah penting dalam menarik minat pelajar mempelajari sesuatu pembelajaran atau meneroka sesuatu aktiviti.

**Faktor Pelajar :** Berdasarkan analisa data berkenaan persoalan kajian empat iaitu faktor diri pelajar itu sendiri yang menyebabkan pelajar berminat dalam mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan, secara keseluruhannya didapati bahawa min purata keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.706. Ini menunjukkan bahawa faktor diri pelajar itu sendiri merupakan penyebab utama pelajar berminat mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Berdasarkan kepada jadual, min yang tertinggi bagi persoalan kajian empat bagi faktor pelajar adalah 4.31 iaitu pada item 33. Min item tersebut berada pada tahap yang tinggi dimana sebanyak 89% responden bersetuju bahawa pelajar sentiasa mengambil berat terhadap pencapaian Matematik Tambahan mereka. Ini mungkin disebabkan keadaan yang mendorong mereka untuk belajar seperti faktor guru yang mengajar mereka serta rakan sebaya yang mempunyai prestasi yang baik dalam peperiksaan. Ini juga mungkin disebabkan Matematik Tambahan adalah mata pelajaran yang penting untuk pelajar berikan perhatian sebelum menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

## Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Baharudin Omar, Kamarulzaman Kamaruddin dan Nordin Mamat (2002). *Faktor Kecemerlangan dan kemunduran Pelajar di Sekolah Menengah dalam Matematik: Satu Tinjauan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Drs. Djoko W, dagdno (1985). *Ilmu Budaya Dan Dasar*. Jakarta, Indonesia: PT Bina Aksara. 18-31
- Ee Ah Meng (1994). *Psikologi Dalam Bilik Dajah*. Siri Pendidikan Perguruan. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng (1996). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ensiklopedia Global (2001). *Edisi Milenium*. Jilid 19. Kuala Lumpur: Smart Genie Corporation Sdn Bhd.
- Ferry, T. R. Fouad N. A & Smith P.L (2000). The Role of Family Context in A Social Cognitive Model for Career-related Choice Behavior: A Math and Science Perspective. *Journal of Vocational Behavior*: 57, 348-364.
- Haji Kamaruddin Hj Kachar (1989). *Kepimpinan Professional Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Ten Publishing Sdn Bhd.
- Jeanne Ellis Ormrod (2003). *Educational Psychology Developing Learners*. 4th ed. Columbus, Ohio: Pearson Education Inc.
- Kamal Haron (2005). *Sikap Pelajar Terhadap Matematik dan Guru Matematik Di Sekolah-Sekolah Menengah Teknik Di Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Azman Mahat (2008). *Alam Duniaku*. file:///F:/minat/ALAM DUNIAKU Belajar mesti ada minat.htm.
- Omardin Ashaari (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2000). *Huraian Sukatan Pelajaran Matematik Tambahan Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prof. Madya Dr. Salihin Siais (2009). *Portal Pendidikan Utusan, Strategi Mengajar Sains Sekolah Rendah*. file:///F:/minat/Portal Pendidikan Utusan-Kertas Kerja.htm.
- Siti Balqis Abdul Rahman (2003). *Tinjauan Mengenai Persepsi Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains Terhadap Mata pelajaran Matematik Tambahan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Widad Othman (1998). *Kaedah Mengajar Lukisan Kejuruteraan*. Nota Kuliah.
- Zurida Ismail, Syarifah Norhaidah Syed Idros dan Mohd. Ali Samsudin (2006). *Kaedah Mengajar Sains, Panduan Guru Memahami Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Yang Sesuai Bagi Konsep-Konsep Sains*. Kuala Lumpur: Pts Professional Publishing Sdn Bhd.